

Pemuda Umno, BN temui belia Indonesia

Perbincangan cari jalan penyelesaian kutuk serangan Yahudi

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Pergerakan Pemuda Umno dan Barisan Nasional (BN) akan menemui organisasi pemuda dan belia Indonesia di Jakarta, esok bagi membincang usaha kerjasama gabungan gerakan pemuda untuk membantah serta menugut serangan Israel ke atas Palestin dan Lubnan.

Pengerusi Pemuda BN, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata organisasi terbabit ialah Komite Nasional Pemuda Indonesia (KNPI), Angkatan Muda Pembaharuan Indonesia (AMPI), Persatuan Belia Sedunia (WAY) dan Pemuda Parti Keadilan Sejahtera Indonesia (PKS).

"Saya bersama Exco Pergerakan Pemuda Umno dan BN akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin organisasi ini yang menjurus kepada perbincangan mengenai usaha bagaimana Pemuda Umno/BN dan pemuda Indonesia dapat bersatu mewakili lebih 200 juta orang untuk

membantah serta mengutuk serangan Israel.

"Selain itu, perjumpaan ini juga akan membincangkan lawatan bersama pemimpin muda terbabit ke negara luar bagi melaungkan suara keamanan dan gesaan untuk mendesak Israel menghentikan kekejaman serta melakukan gencatan senjata ke atas Palestin dan Lubnan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Sebelum ini, Pemuda BN menubuhkan lapan kumpulan yang akan digerakkan menerusi kempen kesedaran masyarakat antarabangsa ke 12 negara, bermula di China sebelum ke India, Filipina, Thailand dan Brunei, bagi membantah kekejaman Israel, mulai minggu ini.

Selain lima negara berkenaan, kumpulan yang akan menghebahkan suara keamanan itu juga akan berkunjung ke Jordan, Maghribi, Mesir, Sudan, Syria, Arab Saudi dan Lubnan dalam misi yang dijangka berakhir dalam tempoh sebulan.

Lima wakil parti komponen BN diketuai Ketua Pemuda MCA, Datuk Liow Tiong Lay akan berlepas ke China untuk bertemu sayap Muda Parti Komunis China, tetapi tarikh perjumpaan sebenar belum ditetapkan.

Kumpulan kedua dipimpin Ketua Pemuda MIC, S Vigneswaran pula akan disertai empat lagi wakil komponen BN akan mengunjungi India untuk bertemu pemuda Parti Kongres Kebangsaan India.

Ketua Pemuda Gerakan, Datuk

Mah Siew Keong mengetuai komponen BN Sarawak untuk ke Filipina bagi berjumpa wakil parti politik pemerintah negara itu di Manila.

Ketua Pemuda BN Sarawak, Datuk Douglas Uggah Embas akan mengetuai delegasi Pemuda BN Sarawak untuk ke Brunei.

Selain itu, dua kumpulan ke Asia Barat, masing-masing akan diketuai Exco Pemuda, Datuk Firdaus Ismail dan Ketua Biro Agama, Datuk Shamsul Najmi Shamsuddin, manakala Ketua Penerangan Pemuda Umno, Datuk Azimi Daim pula akan mengetuai delegasi ke Thailand.

Satu lagi kumpulan yang belum ditentukan ketuanya akan ke Syria, Lubnan dan Arab Saudi.

"Semua delegasi BN ini akan mendapatkan sokongan pimpinan muda daripada negara lain untuk menyatakan bantahan sekeras-kerasnya rakyat Malaysia terhadap kekejaman rejim Zionis Israel ke atas Lubnan dan Palestin," kata Hishammuddin baru-baru ini.

Siri jelajah Pemuda Umno/BN untuk kempen kesedaran antarabangsa bantah kekejaman Israel

- Jordan
- Maghribi
- Mesir
- Sudan
- Syria
- Arab Saudi
- Lubnan
- Indonesia
- Filipina
- Brunei
- Filipina
- Thailand
- China dan
- India